

Kosmo
26/7/16
MIS 17



Semakin ramai rakyat Malaysia lari kahwin di Selatan Thailand

2,000 pasangan nikah di Siam

KANGAR – Lebih 2,000 pasangan rakyat Malaysia telah berkahwin di Selatan Thailand dalam tempoh enam bulan dari Januari hingga Jun tahun ini sekali gus dijangka meneruskan trend peningkatan kes kahwin lari ke negara itu.

Menurut Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Mohd. Afandi Abu Bakar, pada tahun lepas sahaja seramai 4,081 pasangan rakyat Malaysia berkahwin di negara jiran itu berbanding 3,831 pada tahun 2014.

Katanya, angka tersebut bagaimanapun hanya bagi pasangan yang mendaftarkan perkahwinan mereka di pejabat Konsul supaya mereka boleh mendaftar semula dan mengesahkan perkahwinan apabila pulang ke tanah air.

“Pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan di pejabat Konsul akan menghadapi kesukaran untuk mengesahkan perkahwinan mereka di Ma-



SEPASANG rakyat Malaysia mengambil keputusan bernikah di Narathiwat baru-baru ini. – Gambar hiasan

aysia selepas itu,” kata Mohd. Afandi.

Beliau berkata, Jabatan Ke-

majuan Islam Malaysia (Jakim) dan majlis agama Islam (MAI) untuk lima wilayah di Selatan

Thailand kini sedang berusaha untuk memperkemas syarat-syarat kebenaran pasangan rakyat Malaysia yang hendak berkahwin di negara tersebut.

Ia adalah susulan persidangan pengurusan nikah cerai membatikan ketua-ketua pendaftar nikah dan cerai seluruh negara dengan MAI wilayah Satun, Narathiwat, Pattani, Songkhla dan Yala selama tiga hari di sini minggu lepas.

Mohd. Afandi berkata, majoriti yang berkahwin itu membatikan pasangan sesama rakyat Malaysia dan sedikit sahaja dengan rakyat asing.

Katanya, punca utama rakyat Malaysia berkahwin di negara jiran itu kerana hendak berpoligami tetapi tidak dipersetujui oleh isteri atau mendapat tentangan keluarga.

“Apa pun alasan, MAI lima wilayah tersebut bersetuju dengan alasan kita bahawa setiap

INFO

Statistik pasangan Malaysia kahwin di Selatan Thailand

2016: Lebih 2,000 pasangan bagi tempoh Januari hingga Jun

2015: 4,081 pasangan

2014: 3,831 pasangan

2013: 3,485 pasangan

Punca kahwin di selatan Thailand

- Tidak mendapat izin wali
- Hasrat berpoligami tanpa kebenaran isteri tua
- Pasangan terlanjur

pasangan yang hendak berkahwin perlu mendapat kebenaran bersurat daripada pihak berkuasa di Malaysia, tetapi masalahnya masih ada pasangan yang hendak berkahwin menggunakan khidmat sindiket,” tambahnya. – Bernama